

45
**Pendidikan
Islam
Ogos
2003**
21/2 jam

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
BANDAR BARU SALAK TINGGI
TAMAN DAHLIA, SEPANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR
PENDIDIKAN ISLAM
TINGKATAN TIGA
(masa: 21/2 jam)

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN: Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.
Jawab **semua** soalan.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak.

Disediakan oleh

.....
(Pn. Rosmawati bt Basha)

Disahkan oleh:
Penolong Kanan 1
Md. Salehudin b. Abdul Rasid
Sek. Men. Keb. Bandar Baru, Salak Tinggi.

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi lima soalan. Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah S.W.T:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِنَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ
لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ
الْغَافِلُونَ (١٧٩)

Terjemahan Ayat:

Sesungguhnya Kami menyediakan untuk neraka jahanam ramai jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak memahami (ayat-ayat Allah) dengannya, mempunyai mata tetapi tidak melihat dengannya, mempunyai telinga tetapi tidak mendengar dengannya. Mereka adalah seperti binatang ternakan, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itulah golongan yang lalai.

(Surah Al-A'raf: ayat 179)

Pancaiendera merupakan nikmat yang tidak ternilai kepada manusia

- (i) Nyatakan nikmat pancaindera yang ada pada manusia. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara anda mensyukuri nikmat pancaindera tersebut. [4 markah]
- (iii) Ramai manusia kini menggunakan mata dan telinga pada perkara maksiat. Jelaskan dua akibat penyalahgunaan nikmat tersebut. [4 markah]

2. (b) Firman Allah S.W.T:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٣٠﴾

Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana semestinya) tentulah (iman) itu lebih baik bagi mereka. (Tetapi) antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

- (i) Di dalam ayat di atas, Allah s.w.t menyatakan umat Islam adalah sebaik-baik umat.
Apakah yang dimaksudkan dengan sebaik-baik umat? [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang pelajar, jelaskan bagaimanakah cara menjadi pelajar yang baik dan diteladani oleh pelajar lain. [4 markah]
- (iii) Pendakwah perlu melengkapkan diri mereka dengan sifat-sifat yang baik dan mulia.
Terangkan dua ciri-ciri pendakwah yang baik dan berkesan. [4 markah]
- 2 (a) Rasul adalah hamba Allah yang bersifat maksum.
- (i) Jelaskan pengertian maksum. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua hikmat Allah s.w.t mengurniakan sifat maksum kepada nabi dan rasul. [4 markah]
- (iii) Beriman kepada nabi dan rasul bermaksud mentaati segala ajaran yang mereka sampaikan.
Apakah ganjaran yang Allah s.w.t. janjikan kepada orang yang taat pada ajaran nabi dan rasul. [4 markah]
- (b) Jelaskan pengertian suhuf. [2 markah]
- (c) Nyatakan dua perbezaan di antara Al-Quran dengan kitab-kitab lain yang diturunkan Allah s.w.t. [4 markah]
- (d) Al-Quran merupakan mukjizat rasulullah s.a.w. yang paling besar kerana mampu mengatasi kekuatan akal manusia.
Kemukakan dua bukti untuk menyokong kenyataan di atas. [4 markah]

3. (a) (i) Jelaskan pengertian makmum muafik dan makmum masbuk. [2 markah]
- (ii) Solat berjemaah dapat membentuk disiplin diri yang utuh. Terangkan dua perlakuan dalam solat berjemaah yang membuktikan pernyataan di atas. [4 markah]
- (iii) Dalam satu keluarga terdiri daripada bapa, ibu, dua orang anak lelaki yang belum baligh dan seorang anak perempuan. Jelaskan kedudukan golongan berikut dalam saf solat berjemaah. [4 markah]
4. (a) Islam menuntut umatnya rajin, gigih dan tekun berusaha dalam setiap bidang yang diharuskan syarak.
- (i) Jelaskan dua cara memupuk sifat rajin di kalangan pelajar. [4 markah]
- (ii) Nyatakan dua kesan negatif bagi mereka yang bersifat malas. [4 markah]
- (iii) Bagaimanakah kedudukan orang yang hanya beribadat dan berdoa kepada Allah s.w.t. semata-mata supaya dilimpahkan rezeki tetapi tidak mahu bekerja. [2 markah]
- (b) Disiplin sangat dititikberatkan kepada sikap manusia.
- (i) Jelaskan pengertian disiplin. [2 markah]
- (ii) Cadangkan dua aktiviti untuk meningkatkan disiplin pelajar. [4 markah]
- (iii) Nyatakan dua kelebihan orang yang berdisiplin dalam hidup mereka. [4 markah]

5. (a) Antara isi kandungan Perjanjian Damai Hudaibiyah ialah
- Kaum muslimin dan kafir Quraisy tidak boleh berperang selama sepuluh tahun dan
 - Orang Islam yang datang ke Mekah tidak perlu dihantar pulang ke Madinah oleh pihak kafir Quraisy.
- (i) Nyatakan dua implikasi kandungan Perjanjian Damai Hudaibiyah terhadap perkembangan dakwah Islamiah. [4 markah]
- (b) Saidatina Aisyah r.a. banyak membantu rasulullah s.a.w. untuk menegakkan ajaran Islam.
- (i) Senaraikan dua sifat peribadi Saidatina Aisyah r.a. yang patut dicontohi oleh setiap wanita Islam. [4 markah]
- (ii) Apakah faktor yang menjadikan beliau terkenal sebagai tokoh ilmuan yang ulung. [2 markah]
- (c) Saidina Ali r.a. digelar “Karamallahu wajhah” atas sebab-sebab tertentu.
- (i) [2 markah]
- (i) Jelaskan maksud gelaran tersebut. [2 markah]
- (ii) Mengapakah beliau digelar dengan gelaran yang sedemikian. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT